

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan nisbah alat-alat perubatan, tangki oksigen dan ventilator kepada pesakit ICU COVID-19 di HTAR dan jumlah peruntukan kewangan dari pihak Kerajaan dan sumbangan daripada pihak swasta, NGO dan individu secara terperinci serta bagaimana ianya dibelanjakan bagi memerangi COVID-19 di HTAR tahun 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia entiasa berusaha dalam memastikan keperluan peralatan perubatan di seluruh fasiliti kesihatan adalah mencukupi termasuk di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang (HTAR) bagi menangani Bencana COVID-19.
2. Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang telah mengkhususkan sebanyak **66 katil ICU** untuk merawat pesakit COVID-19 berbanding 32 katil ICU sebelum pandemik. Kadar penggunaan katil ICU terkini adalah 79% (hingga 1 September 2021). Semasa tempoh kemuncak pandemik di kawasan Lembah Klang, kadar penggunaan tertinggi katil ICU HTAR adalah sebanyak **233%** (pada 10 Julai 2021). Bagi menampung jumlah katil ICU yang tidak mencukupi, pesakit yang memerlukan bantuan pernafasan telah dirawat di luar kawasan ICU yang telah diubah fungsi (*repurpose*).
3. Untuk setiap pesakit yang memerlukan rawatan rapi diperuntukkan peralatan perubatan secara individu dan tidak berkongsi dengan pesakit yang lain. Sebagai contoh, 1 katil rawatan rapi diperuntukkan 1 *ventilator* di 1 *oxygen port* berserta *patient monitor* untuk seorang pesakit.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kementerian Kesihatan telah memperuntukkan sebanyak **RM9,758,750** bagi peruntukan peralatan perubatan dan bukan perubatan kepada HTAR pada tahun 2021.
5. HTAR juga telah menerima peruntukan sebanyak **RM3.6 juta** bagi membina modular ICU yang telah beroperasi sejak Januari 2021. Selain itu, HTAR juga telah diluluskan peruntukan sebanyak **RM 42 juta** bagi tujuan penyumberluaran pesakit bukan COVID-19 semasa pandemik ini.

Sekian, terima kasih.